

DBKL rancang tunda kenderaan tersadai

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang melaksanakan tindakan khas terhadap kenderaan buruk mengikut kawasan bermula di Parlimen Bandar Tun Razak.

Menurut Jabatan Perancangan Korporat DBKL, kawasan yang menjadi tumpuan adalah di Desa Tun Razak, Taman Mulia dan Perumahan Awam Sri Kota.

Sehubungan itu, DBKL mengeluarkan notis penguatkuasaan untuk mengalih kenderaan buruk bagi kesalahan halangan di tempat awam mengikut Seksyen 46 (1)(e) Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada 18 Jun lalu.

“Mana-mana pemilik kenderaan masih tidak mengalihkan kenderaan buruk atau tersadai, tindakan tunda akan dilaksanakan,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

DBKL turut memaklumkan Depoh Tunda Pantai Central mampu menampung 800 kenderaan sudah beroperasi sepenuhnya bagi menempatkan kenderaan buruk atau tersadai.